

NOTA CERDIK

Kata Seru

- 1 Kata seru ialah perkataan yang digunakan untuk menyatakan perasaan seperti geram, marah, sakit, takut, bersyukur, sayang, terkejut, hairan, dan sebagainya.
- 2 Kata seru digunakan untuk membentuk ayat seruan.
- 3 Contoh: *aduh, aduhai, wah, ah, amboi, wahai, eh, hai, dan oh.*

Praktis 9 Kata Seru

Gariskan **kata seru** yang paling sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 (Oh, Hai), sudah lama kita tidak bersua muka!
- 2 (Nah, Eh), terimalah pemberianku yang ikhlas ini!
- 3 (Nah, Amboi), bergaya sungguh Kak Gayah hari ini!
- 4 (Oh, Aduh), awak rupanya yang mengekori saya sejak tadi!
- 5 (Amboi, Wah), puitis sungguh sajak yang dideklamasikannya itu!
- 6 (Aduh, Aduhai), malang sungguh nasib mangsa bencana alam itu!
- 7 (Nah, Cis), ambil beg sekolah kamu ini cepat, bas sekolah sudah sampai!
- 8 (Eh, Ah), saya ingat awak mahu yang ini, rupa-rupanya awak pilih yang itu!
- 9 (Aduhai, Wahai) anak bangsaku, bangunlah daripada tidurmu dan berbaktilah kepada negara tercinta!
- 10 (Cis, Ah), aku tidak percaya akan kata-katamu lagi dan aku tidak akan berganjak dengan pendirianku ini!

NOTA CERDIK

Kata Tanya

- 1 Kata tanya digunakan untuk menanyakan atau menyoal sesuatu seperti *bila, mengapa, berapa* dan *bagaimana*.
- 2 Selain itu, terdapat kata ganti nama yang digunakan sebagai kata tanya, iaitu *apa, siapa* dan *mana*.
- 3 Kata tanya hadir dalam ayat sebagai predikat tetapi jika dikedepankan, maka kata tanya itu perlu disertai partikel *-kah*.

Praktis 10 Kata Tanya

Berikan **kata tanya** yang paling sesuai untuk menyoal perkara yang digariskan dalam ayat di bawah.

Contoh	Apakah
Beliau <u>bekerja sebagai guru</u> di Sekolah Menengah Teknik Kuala Krai.	
1 <u>Keadaan ayah saya semakin pulih</u> setelah mendapatkan rawatan.	
2 Nenek Yam <u>sedang mengisi kuih-kuih</u> tepung pelita ke dalam bakul.	
3 Kanak-kanak itu menangis <u>kerana takut berjumpa dengan doktor</u> .	
4 Encik Syafik sekeluarga akan menunaikan haji <u>pada tahun hadapan</u> .	
5 Ibu yang menghantar saya ke sekolah pada setiap hari.	
6 Nama anjing Anita ialah <u>Jonny</u> .	
7 Biskut ini perlu disimpan di dalam balang <u>supaya tidak lemau</u> .	
8 Saya akan ke sana <u>dengan menaiki kapal terbang</u> .	
9 Kemalangan ngeri itu berlaku di <u>Lebuhraya Seremban – Kuala Lumpur</u> .	
10 Harga bagi dua buah novel itu cuma <u>RM30.00</u> .	